

# DBKL, peniaga perlu bekerjasama

KUALA LUMPUR 13 Julai – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pemilik premis perlu bekerjasama bagi memastikan masalah air basuhan dan sisa makanan tidak disalurkan ke dalam tasik Bukit Jalil.

Orang ramai yang ditemui berkata, sekarang bukan masa untuk menuding jari kepada mana-mana pihak tetapi perlu mencari jalan penyelesaian segera terhadap masalah itu.

Mereka kecewa dengan senario yang berlaku dan meminta tindakan segera dapat dilakukan untuk memastikan kebersihan tasik berkenaan sentiasa terjaga.

Seorang suri rumah, **S. Shilavathi**, 30, berkata, sisa minyak yang menutupi sebahagian besar kawasan tasik itu sebenarnya sudah berlaku sejak enam bulan lalu.

Tegasnya, keadaan itu benar-benar mencemarkan pemandangan tasik itu yang menjadi lokasi keluarganya beriadah pada setiap hujung minggu.

"Saya sedih melihat kedai makanan di sana menyalurkan air sisa termasuk minyak terus ke dalam tasik. Saya tidak tahu apa puncanya tetapi seharusnya pihak berkenaan menyediakan saluran yang betul dan bukan terus ke dalam tasik."

"Ini tempat kami sekeluarga berkumpul dan bersenam pada hujung minggu. Ini juga lokasi penduduk sekitar sini berehat pada petang hari," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Tegasnya, jalan penyelesaian segera dilakukan oleh DBKL dan pengusaha premis makanan di situ sebelum keadaan menjadi semakin teruk.

"Kita mahu pihak berkenaan membuat pemantauan dan membersihkan tasik ini dengan segera. Jangan sampai sudah ada ikan mati dan timbukan hendak diambil tindakan," ujarnya.

Seorang polis, **Kamarul Zaman Ahmad**, 35, mendakwa masalah itu sudah disedari sejak enam bulan yang lalu.

Katanya, buangan minyak dan air sisa yang disalurkan terus ke dalam tasik setiap hari selepas premis kedai dibuka benar-benar mengganggu.

Adakah pihak berkuasa tidak mengadakan pelan yang betul sebelum membenarkan premis makanan dibina di sini?

"Kita sedih melihat situasi yang berlaku.



GERAI yang didakwa menjadi punca kepada kejadian pencemaran minyak di tasik berhampiran Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil.



**S. SHILAVATHI**



**KAMARUL ZAMAN AHMAD**



**JOMINGAH MANDU**

Kita mahu tempat ini sentiasa menjadi tumpuan orang ramai dan 'hidup' dengan pengunjug yang bersenam pada setiap

hari," jelasnya,

Dalam pada itu, seorang pesara, **Jomingah Mandul**, 60, berkata, kawasan

riadahnya pada setiap petang itu dilihat sudah semakin tercemar dan tasik yang dahulunya biru kini sudah berbau busuk.

Tegasnya, hanya tasik Bukit Jalil menjadi tumpuan orang ramai sekitar kawasan itu dan kemusnahan tasik itu boleh dielakkan dengan tindakan segera DBKL.

"Sebelum ini saya suka beriadah di sini namun selepas melihat sendiri air sisa dan minyak disalurkan terus ke dalam tasik dan mengeluarkan bau, ia membantutkan semangat untuk bersenam pada petang hari."

"Jangan lambat sangat bertindak dan menyelesaikan masalah ini. Fikirkanlah kesan negatif yang akan berlaku jika ia terus berlarutan," ujarnya.